

SEJARAH TERJEMAHAN KARYA MELAYU DI CHINA

(The History of Translation of Malay Masterworks in China)

Goh Sang Seong
gohss@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
Tel.: +604-6532877.

Abstrak

Makalah ini membincangkan sejarah perkembangan terjemahan karya Melayu di China. Buku terjemahan karya Melayu yang diterbitkan di China dikenal pasti dan kemudian dianalisis dengan memanfaatkan pendekatan sejarah terjemahan Pym (1998) dan kaedah analisis bibliometrik. Dalam tempoh 1985-2013, sebanyak tujuh buah karya Melayu daripada pelbagai genre sastera telah diterjemahkan dan diterbitkan di negara China. Walaupun bilangannya tidak banyak, namun jumlah cetakannya mencecah 20 ribu naskhah. Angka ini menunjukkan bahawa sastera Melayu masih relevan dalam pasaran China. Industri terjemahan karya Melayu di China tidak hanya bergantung pada usaha sama daripada agensi di Malaysia, malah syarikat penerbitan China sendiri turut mengambil langkah proaktif. Perancangan yang lebih teratur dan usaha sama antara Malaysia-China yang lebih giat amat penting untuk menghasilkan sinergi yang lebih berkesan dalam pelan pengantarabangsaan bahasa dan budaya Melayu melalui perterjemahan buku di China.

Kata kunci: terjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina, karya sastera Melayu, sejarah terjemahan

Abstract

This paper discusses the history of the development of the translation of Malay works in China. Translations of Malay works published in China are first identified and then analysed by leveraging on the translation history approach by Pym (1998) and the bibliometric analysis method. In the period from 1985-2013, a total of seven Malay works from various literary genres were translated and published in China. Although not many in number, the total number of printed copies reached

20 thousand nonetheless. This figure shows that Malay literature is relevant in the Chinese market. The translation industry of Malay works in China does not only depend on the collaboration of agencies in Malaysia, but China's own publication companies also take proactive measures. Better planning and a more active joint venture between Malaysia and China are crucial to the internationalizing of the Malay language and culture through translation.

Keywords: Malay-Chinese translation, Malay literature, translation history

PENDAHULUAN

Salah satu daya tarikan dunia Melayu ialah khazanah kesusasteraannya. Melalui retorik bahasa Melayu yang indah dalam karya sastera, budaya, tamadun dan pemikiran alam Melayu dapat disebarluaskan. Walau bagaimanapun, penzahiran pandangan dunia Melayu melalui karya sastera terbatas pada sasaran yang menguasai bahasa Melayu. Hanya kumpulan individu yang memahami bahasa Melayu dapat membaca dan menghayati kesusasteraan Melayu. Oleh hal yang demikian, dalam konteks ini, karya terjemahan dapat memainkan peranan yang signifikan sebagai perantara dua dunia bahasa yang berlainan, lebih-lebih lagi dalam hubungan antarbahasa dan antarbudaya. Atas faktor inilah sejarah terjemahan karya Melayu di China bermula dengan penterjemahan karya sastera.

Menurut Liang Liji (1996:13-15), dalam *Han Shu-Di Li Zhi*, catatan geografi silam China, dinyatakan bahawa hubungan antara negara China dengan alam Melayu sudah terjalin sejak 1500 tahun dahulu apabila kapal utusan Maharaja Wu Di (140 SM-87 SM) ke India melalui Semenanjung Tanah Melayu. Kesungguhan negara China untuk mengadakan hubungan yang lebih erat dengan dunia Melayu dapat dilihat melalui pelbagai usaha untuk mempelajari bahasa Melayu dan melatih jurubahasa bahasa Melayu. Antara lain, menurut Liang Liji (1996, 82-90), jawatankuasa jurubahasa (*Da Tong Shi*) yang ditubuhkan bagi memenuhi kepentingan dan keperluan hubungan luar negara mempunyai dua orang jurubahasa yang pengkhususannya dalam bahasa Melayu. Tambah beliau, akademi bahasa turut ditubuhkan untuk melatih jurubahasa ini. Usaha ini bertahan selama 400 tahun.

Dalam hubungan China-Malaysia, Awang Sariyan (2011) berpendapat bahawa “hubungan antara dua buah kerajaan besar, yang satu di Asia Timur dan yang satu di alam Melayu itu mempunyai signifikan yang khusus dalam konteks interaksi tamadun. Hubungan ini tidak terbatas pada hubungan dagang semata-mata, sebaliknya menjangkau hubungan kebudayaan, pemikiran dan sistem kepercayaan”. Pendapat ini jelas menunjukkan bahawa interaksi China-Malaysia

melibatkan pelbagai sudut yang tidak dapat lari dari aspek bahasa dan terjemahan. Segala bentuk hubungan yang terjalin memerlukan komunikasi yang berkesan, dan keberkesanan komunikasi ini, dalam banyak hal, bergantung pada kecekapan bahasa, atau melalui bantuan terjemahan. Dengan kata lain, terjemahan daripada bahasa Cina kepada bahasa Melayu membolehkan dunia Melayu lebih mengenali dan memahami dunia China, manakala terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Cina pula membolehkan dunia China lebih mengenali dan memahami dunia Melayu. Terjemahan ini berfungsi, baik dalam jangka pendek mahupun dalam jangka panjang. Terjemahan memansuhkan persekitaran global antara China dengan Malaysia yang amat mustahak dalam segala aspek hubungan yang menghasilkan pelbagai bentuk kerjasama politik, ekonomi dan sosial. Hal ini turut dipersetujui oleh Kong Yuanzhi (2000:418) yang menyatakan bahawa “Kebanyakan pembaca negara China memahami dan menghayati sastera Melayu melalui terjemahan bahasa Cina karya sastera Melayu ...”.

Berdasarkan sorotan kepustakaan yang dijalankan oleh Goh Sang Seong (2012:1-3), karya sastera Cina yang pertama diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dihasilkan pada tahun 1889 oleh penterjemah yang berketurunan Baba. Menurut beliau, dalam tempoh 1889-1950 terdapat 79 buah karya Cina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Sehingga 2001, laporan Goh menunjukkan bahawa terdapatnya ratusan terjemahan karya Cina dalam bahasa Melayu di Malaysia. Selepas tahun 2001 sehingga hari ini, kelihatan usaha menterjemahkan karya sastera Cina ke dalam bahasa Melayu tidak begitu giat dari segi kuantiti. Namun begitu, dari segi kualiti, empat karya sastera agung Cina, iaitu *Shui Hu Zhuan*, *Xi You Ji*, *Hong Lou Meng*, dan *San Guo Yan Yi* telah dan sedang diusahakan untuk dialihkan bahasa kepada bahasa Melayu. *Shui Hu Zhuan* dan *San Guo Yan Yi* masing-masing telah diterbitkan dengan judul terjemahan *Hikayat Pinggi Air* pada tahun 2001, dan *Hikayat Tiga Negara* pada tahun 2012 oleh Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif (PERSPEKTIF) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Projek terjemahan *Xi You Ji* dan *Hong Lou Meng* masih sedang dijalankan. Terjemahan *Xi You Ji* sedang diusahakan oleh PERSPEKTIF, manakala terjemahan *Hong Lou Meng* sedang diusahakan secara usaha sama oleh Persatuan Siswazah Jabatan Pengajian Tionghua (PEJATI) Universiti Malaya dengan Yayasan Karyawan.

Kajian lepas yang ada kaitan dengan sejarah terjemahan di Malaysia lebih bersifat *inbound*, iaitu daripada bahasa asing kepada bahasa Melayu. Roosfa Hashim (2003) melaporkan senarai buku terjemahan bidang sains, teknologi dan perubatan daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu oleh anggota MAPIM dari tahun 1990 sehingga 2000, manakala Raja Masittah Raja Ariffin dan Rahmah Ja'afar (2003) pula mengemukakan statistik buku terjemahan dalam bidang linguistik dan

pendidikan daripada bahasa asing kepada bahasa Melayu. Seterusnya, Abdul Hamid Abdullah dan Mohmadisa Hashim (2003) meninjau penterjemahan buku geografi daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, dan Yahaya Ramli dan Khalid Mazlan (2003) pula mengemukakan beberapa terbitan terjemahan dalam bidang kejuruteraan mekanik di Universiti Teknologi Malaysia. Raja Masittah Raja Ariffin (2008) memberikan senario penerbitan buku terjemahan daripada pelbagai bahan bahasa asing kepada bahasa Melayu yang lebih komprehensif melalui kertas kerja beliau yang bertajuk “Kepustakaan Terjemahan dalam Bahasa Melayu”. Walau bagaimanapun, belum ada kajian dan laporan tentang sejarah terjemahan bersifat *outbound* yang melibatkan bahasa Melayu–bahasa Cina di China secara khusus.

Daya tarikan karya sastera Melayu di China tidak kurang hebatnya. Dunia akademik Cina memperkenalkan dan mengulas tokoh, karya, dan persatuan penulis sastera Melayu melalui *Zhongguo Baige Quanshu* (Ensiklopedia Cina), *Waiguo Wenxuejuan* (Sastera Negara Asing), *Dongfang Wenxueshi* (Sejarah Sastera Timur), dan *Dongfang Wenxue Chidian* (Kamus Sastera Timur). Antara penulis sastera yang diperkenalkan termasuklah Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi, Hamzah Fansuri, Nurudin al-Raniri, Ishak bin Haji Muhammad, Abdul Rahim bin Salim Kajai, Keris Mas, Usman Awang, A. Samad Said, Baha Zain, Latif Mohidin, Muhammad Haji Salleh, Syed Sheikh bin Sayyid Ahmadi Al-Hadi, Abdullah Hussein, Shahnon Ahmad, Arena Wati, dan Wijaya Mala (Kong Yuanzhi, 2000:421). Setakat mengenali nama tokoh dan karya tidak memadai, pembaca di China ingin membaca sendiri karya sastera yang dihasilkan oleh penulis Melayu ini. Oleh hal yang demikian, terjemahan karya Melayu ke dalam bahasa Cina menjadi sumber penting. Tulisan tentang sejarah terjemahan karya terjemahan Melayu di China belum lagi diusahakan setakat ini. Sejajar dengan itu, makalah ini cuba melaporkan dan mencerakinkan sejarah terjemahan karya Melayu dalam bahasa Cina di China dari sudut pengajian penterjemahan.

Menurut Pym (1998:5), sejarah terjemahan merupakan kajian yang melibatkan tinjauan terhadap tindakan dan agen yang menjurus kepada penghasilan terjemahan, kesan terjemahan, dan teori tentang terjemahan. Pym membahagikan sejarah terjemahan kepada tiga bahagian, iaitu arkeologi terjemahan, kritikan sejarah, dan penerangan. Beliau memerikan definisi ketiga-tiga istilah tersebut. Menurut beliau, arkeologi terjemahan ialah perbincangan yang menjawab soalan “siapa menterjemahkan apa, bagaimana, di mana, bila, untuk siapa, dan apa kesannya?” Rangkumannya melibatkan penyusunan katalog dan kajian terhadap biografi penterjemah. Seterusnya, Pym (1998:5) menjelaskan bahawa kritikan sejarah ialah: “... *the set of discourse that assess the way translations help or hinder progress*”, manakala penerangan ialah sebahagian sejarah terjemahan yang melaporkan

“... *why archaeological artefacts occurred when and where they did, and how they were related to change.*”

Selaras dengan objektif makalah, penulisan ini akan membincangkan beberapa persoalan, iaitu (1) Apakah karya Melayu yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina? (2) Siapakah penterjemahnya? (3) Siapakah penerbitnya? (4) Bilakah karya itu diterjemahkan? (5) Berapakah jumlah naskhah yang dicetak? (6) Bagaimanakah reka bentuk dan susun aturnya?

Bagi menjawab persoalan tersebut, makalah ini memanfaatkan kaedah analisis bibliometrik dengan mengumpulkan maklumat tentang judul terjemahan, penerbit, penterjemah, dan penerbitan.

TERJEMAHAN KARYA SASTERA MELAYU DALAM BAHASA CINA DI CHINA

Seperti sejarah terjemahan lain, terjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina di China juga bermula dengan terjemahan karya sastera. Kegiatan menterjemah bahasa Melayu-bahasa Cina bermula pada tahun 1985. Sehingga tahun 2013, sebanyak tujuh buah buku terjemahan dalam bahasa Cina daripada pelbagai genre sastera Melayu telah berjaya diterbitkan di China. Jadual 1 menunjukkan butiran buku terjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina yang diterbitkan di China.

Karya sastera Melayu pertama yang dipilih untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Cina ialah novel A. Samad Said yang berjudul *Salina*. Buku asalnya diterbitkan pada tahun 1976, dan diterjemahkan ke dalam bahasa Cina dan diterbitkan di China oleh Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi dari Shanxi pada tahun 1985 (sila rujuk Rajah 1). Buku terjemahan ini mengandungi sejumlah 285 ribu patah perkataan dan dicetak dengan ketebalan 392 halaman. Cetakan pertama pada tahun 1985 sebanyak 12 ribu naskhah. Oleh sebab sambutan yang diterima begitu hangat sekali, terjemahan ini diulang cetak sebanyak 1000 naskhah pada tahun 1991. Hal ini menunjukkan bahawa pembaca di China berminat dengan karya sastera Melayu, sekali gus membuktikan bahawa terjemahan karya sastera Melayu berjaya meraih tempat dalam pasaran buku di China. Kejayaan terjemahan karya sastera Melayu yang pertama ini seterusnya menjadi penanda aras bagi penerbitan terjemahan karya sastera Melayu yang berikutnya di China. Di samping itu, kejayaan ini turut mendorong usaha penterjemahan karya sastera Melayu yang lebih banyak di China.

Karya ini diterjemahkan oleh dua orang penterjemah, iaitu Yu Yu atau nama sebenar mereka ialah Li Wenzhong dan Sun Baoping. Kedua-dua orang penterjemah ini menerima ijazah daripada Jabatan Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University (BFSU). Dalam usaha memperkenalkan karya sastera dan sasterawan

Jadual 1 Senarai penerbitan terjemahan karya sastera Melayu dalam bahasa Cina di China.

Bil.	Tahun	<i>Judul</i>	Genre	Penulis Asal	Penterjemah	Penerbit
1.	1985/ 1991	莎丽娜 <i>Salina</i>	Novel	A. Samad Said	Yu Yu	Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi
2.	1986	马来纪念翻译与研究 <i>Antologi Cerpen Indonesia dan Malaysia</i>	Cerpen	Pelbagai	Wang Shouye	Syarikat Penerbitan Haixia Wenyi
3.	1991	瓶中的红玫瑰 <i>Bunga Mawar di dalam Pasu</i>	Cerpen	Pelbagai	Ai Ma <i>et al.</i>	Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi
4.	1993	马来西亚女作家短篇小说选 <i>Antologi Cerpen Penulis Wanita Malaysia</i>	Cerpen	Pelbagai	Bai Can, Zheng Shuxuan <i>et al.</i>	Syarikat Penerbitan Xiandai
5.	1999	马来传奇 <i>Sejarah Melayu</i>	Novel	Tun Sri Lanang	Huang Yuanhuan	Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi
6.	2001/ 2012	马来西亚 民间故事 <i>Cerita Rakyat Malaysia</i>	Cerita Rakyat	Pelbagai	We Zongyu (penyelenggara)	Syarikat Penerbitan Buku Kanak-kanak Liaoning
7.	2013	马来纪念翻译与研究 <i>Sejarah Melayu: Terjemahan dan Hasil Kajian</i>	Teks Klasik	Tun Sri Lanang	Luo Jie, Fu Congcong <i>et al.</i>	Peking University Press

Melayu kepada dunia Cina, terjemahan ini disertakan bahagian “Pengenalan” yang seakan-akan sinopsis novel dan diperkenalkan penulis asal oleh penterjemah. Cara ini amat berkesan sebagai mukadimah kepada masyarakat pembaca di China yang kurang pengetahuan tentang dunia Melayu dan sastera Melayu. Selain itu, yang

menarik sekali, novel terjemahan ini turut disertakan gambar penulis asal (sila rujuk Rajah 2) yang tidak ada dalam teks sumber. Langkah ini sesungguhnya menunjukkan bahawa usaha penterjemah bukan hanya memindahkan hasil kesusasteraan Melayu daripada bahasa Melayu kepada bahasa Cina, malah memperkenalkan penulis karya sastera Melayu ke negara China melalui terjemahan. Strategi penambahan maklumat dalam teks sasaran melalui pemasukan gambar penulis seumpama ini jarang berlaku dalam industri penerbitan buku terjemahan.

Pada tahun 1986, terjemahan karya sastera Melayu kedua yang diterbitkan di China ialah *Antologi Cerpen Indonesia dan Malaysia* (sila rujuk Rajah 3). Antologi ini memuatkan 20 terjemahan cerpen Melayu; 12 dari Indonesia, dan 8 dari Malaysia. Cerpen Melayu dari Malaysia yang dipilih merupakan cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan penulis yang berlainan latar belakang. Antara cerpenis ini termasuklah Keris Mas, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, Khadijah Hashim, A. Wahab Ali, dan Hamzah Hamdani. Antologi ini diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Haixia Wenyi dari Fujian dengan ketebalan buku 217 halaman yang memuatkan 141 ribu patah perkataan. Sebanyak 2200 naskhah telah dicetak. Penterjemahnya ialah Wang Shouye. Beliau merupakan penyelidik daripada Pusat Penyelidikan Asia Pasifik, Institut Sains Kemasyarakatan China yang berkelulusan dalam bidang Pengajian Indonesia dari BFSU. Antologi ini disertakan nota penterjemah yang memperkenalkan sinopsis setiap cerpen. Akan tetapi, nota penterjemah ini tidak menerangkan kaedah yang dimanfaatkan bagi menghasilkan antologi ini.



Rajah 1 Buku terjemahan *Salina*.
Sumber: Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi.



Rajah 2 Foto A. Samad Said dalam buku terjemahan *Salina*.
Sumber: Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi.



Rajah 3 Buku terjemahan *Antologi Cerpen Indonesia dan Malaysia*

Sumber: Syarikat Penerbitan Haixia Wenyi.




Rajah 4 Buku terjemahan *Bunga Mawar di Dalam Pasu*.

Sumber: Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi.

Selepas tahun 1990, usaha penerbitan terjemahan karya sastera Melayu di China memasuki era baharu. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi dari Shanxi, China (Kong Yuanzhi, 2000:423), pada tahun 1989 semasa rombongan lawatan pertama DBP ke China. Susulan daripada MoU tersebut, DBP melalui jawatankuasa khas penerbitan terjemahan bekerjasama dengan Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF) menghasilkan manuskrip terjemahan berjudul *Bunga Mawar di Dalam Pasu*, antologi cerpen Malaysia (sila rujuk Rajah 4), dan kemudian diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi di China pada tahun 1991 dengan jumlah cetakan sebanyak 2000 naskhah.

Antologi ini setebal 242 halaman dengan 177 ribu patah perkataan. Antologi cerpen ini memuatkan 24 buah cerpen yang ditulis oleh cerpenis yang popular seperti Keris Mas, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Arena Wati, Anwar Ridhwan, Fatimah Busu, dan Jong Chian Lai. Penterjemahnya terdiri daripada ahli PERSPEKTIF dan buku ini diselenggarakan oleh Goh Hin San. Terjemahan yang dihasilkan itu kemudiannya disunting oleh penyunting dari China agar bahasanya



Rajah 5 Buku terjemahan *Antologi Cerpen Penulis Wanita Malaysia*.
 Sumber: Syarikat Penerbitan Xiandai.



Rajah 6 Biodata Adibah Amin
 Sumber: Syarikat Penerbitan Xiandai.

sesuai dengan lenggok bahasa Cina. Kelihatan antologi yang dihasilkan ini menjadi titik permulaan dalam perancangan usaha sama penterjemahan dan penerbitan karya sastera Melayu di China yang melibatkan Malaysia dan China. Bahagian “Prakata” yang disediakan oleh penyelenggara lebih tertumpu pada pengenalan tentang latar belakang penerbitan antologi ini, dan tidak menyentuh tentang sinopsis setiap cerpen mahupun kaedah penterjemahan yang digunakan.


Dua tahun selepas itu, iaitu pada tahun 1993, *Antologi Cerpen Penulis Wanita Malaysia* (sila rujuk Rajah 5) menemui pasaran di China.

Antologi ini memuatkan 24 buah cerpen yang ditulis oleh penulis wanita Malaysia seperti Adibah Amin, Fatimah Busu, Habsah Hassan, Khadijah Hashim, Anis, Anis Sabirin, Azmah Nordin, Rokiah Abu Bakar, Rogayah A. Hamid, Salmi Manja, Salmah Mohsin, Sarah Rahim, Siti Zainon Ismail, Siti Aisah Murad, Timah Baba, Zawiyah Mohd. Noh, Zaharah Nawawi, Zurinah Hassan, Zanariah Wan A. Rahman, dan Zaharah Ibrahim. Setiap cerpen dimulakan dengan gambar dan biodata cerpenis berkenaan (sila rujuk Rajah 6 dan 7).

Cara demikian dapat memperkenalkan cerpenis Melayu kepada pembaca di China. Antologi ini dicetak sekitar 1000 naskhah dengan ketebalan 165 halaman



Rajah 7 Biodata Fatimah Busu.
Sumber: Syarikat Penerbitan Xiandai.




Rajah 8 Buku terjemahan *Sejarah Melayu*.
Sumber: Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi.

senaskhah. Penterjemah terdiri daripada ahli PERSPEKTIF, dan penyuntingnya dari China. Terjemahan antologi juga dihasilkan atas usaha sama antara DBP dengan Syarikat Penerbitan Xiandai dari Beijing. Bahagian “Prakata” disediakan oleh Goh Hin San dari Jawatankuasa Khas Penerbitan Terjemahan, DBP. “Prakata” ini bukan sahaja memuatkan sinopsis cerpen malah turut memperkenalkan sejarah kemunculan dan keistimewaan cerpenis wanita Malaysia.

Pada tahun 1999, *Sejarah Melayu*, teks klasik Melayu diterjemahkan dalam bahasa Cina oleh Huang Yuanhuan dengan judul *Ma Lai Chuan Qi* (sila rujuk Rajah 8).


Huang Yuanhuan ialah mantan pensyarah bahasa Indonesia dari Guangdong University of Foreign Studies. Buku terjemahan ini diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Beiyue Wenyi dari Shanxi. Ketebalannya mencecah 260 halaman dengan memuatkan 181 ribu patah perkataan. Buku ini dicetak sebanyak 3000 naskhah untuk cetakan pertama. Pada bahagian “Pengenalan”, penterjemah memperkenalkan keunikan dan keagungan teks *Sejarah Melayu* di alam Melayu. Walau bagaimanapun, kaedah penterjemahan yang digunakan untuk menghasilkan terjemahan karya agung Melayu ini tidak dinyatakan.



Rajah 9 Ilustrasi dalam terjemahan *Cerita Rakyat Malaysia*.

Sumber: Syarikat Percetakan Buku Kanak-kanak Liaoning.

Seterusnya, *Cerita Rakyat Malaysia* diterjemahkan dan diterbitkan pada tahun 2001 bagi cetakan pertama, dan diikuti dengan cetakan kedua pada tahun 2012. Pengulangan cetakan menunjukkan tahap sambutan yang hangat dalam kalangan pembaca di China. Judul ini menghimpunkan sebanyak 59 buah cerita rakyat yang



Rajah 10 Buku Terjemahan *Sejarah Melayu* (versi baharu).
Sumber: Peking University Press.

merupakan cerita sejarah Malaysia, cerita rakyat Semenanjung Tanah Melayu, cerita rakyat Sabah dan cerita kanak-kanak yang berkaitan dengan Awang. Buku ini diterbitkan oleh Syarikat Penerbitan Buku Kanak-kanak Liaoning dari Shenyang. Buku ini mengandungi 301 halaman dengan jumlah perkataan sebanyak 221 ribu (jumlah cetakan tidak dapat dikesan). Kebanyakan terjemahan ini dilakukan oleh pensyarah dari Jabatan Pengajian Melayu, BFSU, dan diselenggarakan oleh Wu Zhongyu, profesor dari Jabatan Pengajian Melayu, BFSU. Pada bahagian “Pengenalan”, penyelenggara memperkenalkan negara Malaysia dengan menerangkan secara ringkas sejarah hubungan antara China dengan Malaysia, maksud cerita rakyat Malaysia, dan pendekatan penterjemahan yang diaplikasikan. Terdapat dua perkara dalam buku terjemahan ini yang kelihatan berbeza daripada buku terjemahan lain. Yang pertama, buku ini diselitkan dengan ilustrasi (sila rujuk Rajah 9) yang menyerikan penceritaan. Yang kedua, pada penghujung setiap cerita, penterjemah menyertakan ulasan tentang cerita berkenaan. Ulasan ini memberikan pengajaran dan mesej yang hendak disampaikan melalui cerita tersebut. Kedua-dua

penambahan ini berkemungkinan untuk memenuhi cita rasa pembaca sasaran, iaitu golongan kanak-kanak.

Setelah penerbitan terjemahan *Cerita Rakyat Malaysia* pada tahun 2001, hampir 12 tahun tiada penerbitan terjemahan karya Melayu di pasaran China. Kerjasama penterjemahan dan penerbitan terjemahan yang terjalin antara institusi di Malaysia dengan institusi di China sekitar tahun 1990-an kelihatan lesu sebaik-baik memasuki era milenium baharu. Tiada sebarang catatan penerbitan terjemahan karya sastera Melayu dari tahun 2001 sehingga tahun 2012 di China. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh tiadanya pelan tindakan strategik yang teratur menerusi kerjasama antara institusi Malaysia dengan institusi China. Selain itu, bayaran royalti atau honorarium penterjemah yang tidak seberapa itu juga tidak memberikan galakan kepada penterjemah di China untuk terus menghasilkan karya terjemahan. Seperti juga keadaannya di negara lain, penerbitan karya terjemahan kurang diberikan pengiktirafan oleh dunia akademik di China. Penghasilan karya terjemahan tidak memberikan sumbangan mata yang setara dengan sumbangan mata bagi buku atau makalah jurnal ilmiah yang lain dalam kriteria kenaikan pangkat. Oleh hal yang demikian, ahli akademik yang mempunyai kemahiran untuk menterjemahkan karya Melayu ke dalam bahasa Cina tidak mendapat dorongan dan motivasi yang wajar untuk terus menterjemah.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, sinar baharu terpancar apabila versi baharu terjemahan *Sejarah Melayu* (sila rujuk Rajah 10) diusahakan oleh sekumpulan pensyarah dari Universiti Peking dan BFSU. Kerja penterjemahan ini diketuai oleh Luo Jie dan Fu Congcong serta empat orang penterjemah lain. Projek terjemahan ini agak berlainan daripada yang lain kerana buku yang diterbitkan oleh Peking University Press ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian pertamanya teks terjemahan, dan bahagian keduanya pula mengandungi empat bab yang merupakan laporan kajian yang berkaitan dengan *Sejarah Melayu*. Judul terjemahan ini ialah *Sejarah Melayu: Terjemahan dan Hasil Kajian*. Judul buku dalam bahasa Melayu turut disertakan pada kulit depan buku tersebut. Dari segi pengisiannya, buku terjemahan ini lebih bersifat akademik selaras dengan geran penajaan yang diperuntukkan, iaitu Geran Penerbitan Buku Akademik Sains Kemasyarakatan Beijing. Pada bahagian akhiran buku, disertakan senarai rujukan. Ketebalan buku ini mencecah 306 halaman dengan jumlah sebanyak 400 ribu patah perkataan. Dalam bahagian “Pengenalan”, penterjemah memberikan pengenalan yang agak perinci tentang teks sumber dan kaedah penterjemahan yang dimanfaatkan. Selain itu, pembahagian tugas antara semua ahli projek terjemahan ini juga dinyatakan dengan jelas dalam bahagian “Pengenalan”.

KESIMPULAN

Sepanjang tempoh 1985-2013, terdapat tujuh buah karya sastera Melayu telah diterjemahkan dan diterbitkan di negara China. Walaupun angka ini tidak besar, namun penerbitan ini telah menunjukkan bahasa Melayu melalui karya sasteranya mempunyai kesignifikanan yang tersendiri di negara China. Pada masa yang sama, daripada jumlah cetakan tujuh buah buku terjemahan ini yang mencecah 20 ribu naskhah ke atas menunjukkan bahawa terjemahan karya sastera Melayu tetap relevan dan mempunyai pasaran di China.

Di samping memindahkan karya sastera Melayu ke dalam bahasa Cina, penterjemah juga cuba memperkenalkan penulis Melayu kepada pembaca di China melalui pengenalan ringkas termasuk pemasukan gambar penulis dalam buku terjemahan. Usaha sedemikian menunjukkan bahawa karya terjemahan Melayu di China bukan hanya menyebarkan nilai kesusasteraan Melayu, malahan turut mempopularkan penggiat sastera Melayu kepada pembaca di China. Tindakan serampang dua mata ini secara tidak langsung mengeksport bahasa, budaya dan memperkenalkan tokoh kesusasteraan Melayu ke negara China.

Ilustrasi yang disertakan dalam buku terjemahan merupakan ilustrasi yang dihasilkan oleh pelukis tempatan China. Walaupun ilustrasi yang dihasilkan berbaur unsur kecinaan, namun sedikit-sebanyak, pembaca sasaran mendapat gambaran tentang budaya Melayu. Hal ini penting kerana terdapat banyak lambang budaya yang tidak dapat dibayangkan melalui imej mental, tetapi hanya dapat difahami melalui lakaran atau gambar lukisan. Langkah proaktif syarikat penerbitan China dengan memasukkan ilustrasi seumpama ini merupakan langkah bijak yang wajar dipuji.

Selain itu, kebanyakan bahagian pengenalan dalam buku terjemahan tidak sekadar memperkatakan teks sumber, malah turut memperkenalkan dunia Melayu terutamanya sastera Melayu. Penerangan ini penting sebagai langkah untuk “mempromosikan” dunia Melayu kepada masyarakat pembaca di China. Ternyata bahawa buku terjemahan yang diterbitkan di China ini bukan hanya sekadar sebagai bahan bacaan per se, malah bertindak sebagai “diplomat” yang menjadi perantara dalam fenomena dwibahasa dan dwibudaya Malaysia-China.

Seperkara yang menarik, terdapat penterjemah dari China yang menghasilkan terjemahan karya Melayu ke dalam bahasa Cina, tetapi menerbitkannya di Malaysia. *Hikayat Hang Tuah* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina oleh Huang Yuanhuan tetapi diterbitkan oleh Intelligentsia Book Station Sdn. Bhd., Kuala Lumpur pada tahun 2006. Berkemungkinan besar penterjemah ingin menjadikan karya terjemahan beliau sebagai karya antarabangsa melalui penerbitan di luar negara. Usaha

penterjemahan ini membuktikan karya sastera Melayu mendapat perhatian pembaca di China.

Walaupun setiap judul buku terjemahan karya Melayu dicetak dengan jumlah minimum 1000 naskah, namun jumlah ini dianggap terlalu sedikit dengan nisbah populasi China. Lantaran itu, jika dibandingkan dengan cetakan buku terjemahan dengan karya lain daripada bahasa lain, jumlah cetakan buku terjemahan karya Melayu adalah sedikit, dan tidak dapat meraih minat serta perhatian daripada penerbit di China. Oleh hal yang demikian, kelangsungan penerbitan karya terjemahan Melayu masih perlu bergantung pada penajaan geran atau insentif lain, baik dari negara China mahupun dari negara Malaysia sendiri.

Sehubungan dengan itu, Malaysia sebagai negara pertama di Asia Tenggara yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara China pada tahun 1974 wajar terus mengadakan pelbagai bentuk kerjasama akademik yang menjurus kepada penterjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina, mahupun bahasa Cina-bahasa Melayu demi memupuk persefahaman antara kedua-dua negara ini sekali gus mengeratkan tali persahabatan Malaysia-China. Kerjasama yang sedia wujud melalui pelbagai MoU yang telah dimeterai oleh institusi Malaysia-China harus diberikan nafas baharu agar menghasilkan sinergi yang mampu membawa lonjakan dalam wawasan pengantarabangsaan bahasa dan sastera Melayu di China. Lebih banyak penajaan dalam bentuk geran atau insentif wajar diperuntukkan secara terancang bagi menghasilkan lebih banyak karya terjemahan Melayu di China secara khususnya.

Kini, dengan adanya tujuh buah institusi pengajian tinggi di China yang menawarkan program ijazah sarjana muda dalam bidang Pengajian Melayu, semestinya lebih banyak penterjemah muda yang berkemahiran bahasa Melayu-bahasa Cina dapat dilahirkan di China. Sebahagian daripada golongan ini perlu diasuh dan dituntun ke arah profesion penterjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina yang mampu menjana interaksi antarbahasa dan antarbudaya dalam hubungan Malaysia-China. Oleh itu, perancangan jangka panjang yang bersifat proaktif perlu dirancang dan seterusnya dilaksanakan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Profesor Wu Zongyu dan Encik Fu Congcong, dari Jabatan Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University (BFSU) yang sudi menerima temu bual untuk menceritakan senario penterjemahan bahasa Melayu-bahasa Cina di China.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Abdullah dan Mohmadisa Hashim, 2003. "Tinjauan terhadap Penterjemahan Buku Geografi sehingga Kini" dlm. Abdullah Hassan (ed.). *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan, Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9*.
- Awang Sariyan, 2011. "Kedudukan Bahasa Melayu di China". Kertas kerja Ceramah Bahasa, anjuran Bahagian Bahasa Malaysia, Terjemahan dan Interpretasi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1 Disember 2011.
- De Nicola, Bellis, 2009. *Bibliometrics and Citation Analysis: From the Science Citation Index to Cybermetrics*. Maryland: Scarecrow Press.
- Goh Sang Seong, 2012. *Bahasa Cina Bahasa Melayu: Kebolehterjemahan Budaya*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kong Yuanzhi, 2000. *YIndunixiya Malaixiya Wenhua Tanxi (Penerokaan Budaya Indonesia dan Malaysia)*. Hong Kong: Nandao Chubanshe.
- Liang Liji, 1996. *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad Ke-15*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pym, A., 1998. *Method in Translation History*. Manchester: St. Jerome Publishing Ltd.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2008. "Kepustakaan Terjemahan dalam Bahasa Melayu" dlm. Abdullah Hassan, Hasuria Che Omar, Dahlina Daut Mohmud, Sa'odah Abdullah (ed.). *Membina Kepustakaan dalam Bahasa Melayu. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11*.
- Raja Masittah Raja Ariffin dan Rahmah Ja'afar, 2003. "Satu Analisis Statistik Buku Terjemahan dalam Bidang Linguistik dan Pendidikan" dlm. Abdullah Hassan (ed.). *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9*.
- Roosfa Hashim, 2003. Kegiatan Buku Terjemahan STP Anggota MAPIM, 1990-2000 dlm. Abdullah Hassan (ed.). *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9*.
- Yahaya Ramli dan Khalid Mazlan, 2003. "Keperluan Karya Terjemahan dalam Pendidikan Kejuruteraan Mekanik di Universiti Teknologi Malaysia" dlm. Abdullah Hassan (ed.). *Terjemahan dalam Bidang Pendidikan. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9*.